

## PROGRAM PENGUMPULAN SISA BUANGAN ELEKTRIK & ELEKTRONIK (E-WASTE) DI PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR) KRUBONG, MELAKA

16 OKTOBER 2021, MELAKA - Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama pihak pengurusan Jabatan Penerangan telah bersama-sama dalam menjayakan Program Sepakat @ Komuniti 2021 Daerah Melaka Tengah dengan kutipan sisa buangan elektrik dan elektronik (e-waste) sebanyak 30.00 kg.

Selain itu, orang ramai yang hadir menghantar sisa buangan elektrik dan elektronik (e-waste) juga diberi peluang untuk mendaftar menjadi Ahli Rakan Alam Sekitar (RAS) ketika program berlangsung. Antara kelebihan menjadi Ahli Rakan Alam Sekitar adalah diberi pendedahan yang lebih meluas serta ahli boleh menyertai pelbagai program Rakan Alam Sekitar yang dianjurkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Objektif Program Rakan Alam Sekitar adalah memberi kesedaran alam sekitar di setiap lapisan masyarakat, menanam rasa tanggungjawab dalam kalangan masyarakat untuk bertindak dan mengambil bahagian dalam menjaga alam sekitar serta menyediakan saluran yang tepat bagi masyarakat membuat aduan atau pandangan mengenai alam sekitar kepada agensi-agensi kerajaan khususnya Jabatan Alam Sekitar.

#KementerianAlamSekitarDanAir

#JabatanAlamSekitar

#jasnegerimelaka

#AlamSekitarTanggungjawabBersama